

**Teks Ucapan Sempena Majlis Penyampaian Anugerah Program  
Penajaan Pendidikan PETRONAS (PESP)**

By : YAB DATO' SRI ISMAIL SABRI YAAKOB

Date : 20/09/2022

---

**TEKS UCAPAN  
YAB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB PERDANA  
MENTERI**

**SEMPENA**

**MAJLIS PENYAMPAIAN ANUGERAH PROGRAM PENAJAAN  
PENDIDIKAN PETRONAS (PESP)**

**20 SEPTEMBER 2022 | ISNIN | 10.00 PAGI  
KUALA LUMPUR CONVENTION CENTRE**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Keluarga Malaysia.

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan keizinan-Nya, kita dapat bersama-sama pada pagi ini bagi menjayakan **Majlis Penyampaian Anugerah Program Penajaan Pendidikan PETRONAS (PESP) 2022.**

2. Terima kasih PETRONAS kerana terus komited menjayakan Program PESP yang kini memasuki tahun ke-47 selepas dilaksanakan sejak tahun 1975.

3. Program ini telah terbukti membantu pelajar-pelajar kita yang cemerlang untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.

**Keluarga Malaysia yang saya kasihi,**

4. Program PESP telah melahirkan dan seterusnya menyediakan tenaga kerja profesional, mahir dan berketerampilan dalam kalangan generasi muda khususnya bagi mencapai sasaran Negara Maju Berpendapatan Tinggi seperti mana yang ditetapkan dalam Rancangan Malaysia Ke-12.

5. Saya ingin mengingatkan penerima PESP agar tidak mensia-siakan peluang yang diberikan oleh pihak PETRONAS dengan mencipta kecemerlangan dan kembali menyumbang kepada negara.

6. Saya turut dimaklumkan bahawa salah seorang wakil pelajar iaitu adik Brandon telah berhijrah daripada Pekan Bau, Sarawak untuk melanjutkan pelajaran ke Universiti Teknologi Petronas (UTP) di Seri Iskandar, Perak.

7. Dalam menimba ilmu, pastinya akan ada pelbagai dugaan dan ujian. Kumpulan pelajar tahun ini juga merupakan kumpulan istimewa kerana mengikuti pembelajaran sewaktu Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

8. Jika diimbas kembali ketika seluruh dunia termasuk Malaysia dilanda pandemik COVID-19, lanskap pendidikan negara ternyata telah berubah sama sekali. Namun begitu, usaha mendidik pelajar-pelajar diteruskan dengan mengadaptasi teknologi melalui kelas secara dalam talian.

9. Kaedah pembelajaran ini, ternyata bukan mudah dan memerlukan tumpuan, motivasi dan disiplin yang tinggi, serta sikap proaktif untuk belajar secara sendiri tetapi anda berjaya memperoleh keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia. Syabas dan tahniah!

10. Sehubungan itu, pendidikan terus menjadi agenda utama Kerajaan dengan turut menitik berat pembangunan kokurikulum, inovasi, dan pencapaian akademik, tetapi juga sikap saling menghormati dan mengasihi sesama kita, sejajar dengan tiga teras utama Keluarga Malaysia – **Keterangkuman, Kebersamaan, Dan Kesyukuran.**

**Keluarga Malaysia yang saya kasihi,**

11. PETRONAS telah menjadi penyokong kuat kepada usaha Kerajaan memperkasa bidang sains, teknologi, dan inovasi (STI) sebagai pemboleh daya kepada pemantapan sosioekonomi negara.

12. Malah, syarikat gergasi petroleum negara ini juga telah melaksanakan pelbagai inisiatif dan program bagi memupuk minat pelajar dalam bidang Sains, Matematik, Kejuruteraan dan Teknologi (STEM) bermula dari sekolah rendah.

13. Saya memandang serius tentang bilangan pelajar dalam bidang STEM yang kini berada pada kadar 47 peratus dan Sains Tulen pada 19 peratus dengan meneliti Hala Tuju STEM sebagai persediaan rapi mengharungi Revolusi Perindustrian 4.0 (IR4.0).

14. Kita harus memastikan Malaysia tidak ketinggalan dalam bidang STEM untuk terus kekal mampan dan berdaya saing di peringkat global.

**Keluarga Malaysia yang saya kasihi,**

15. Selain tajaan PESP, PETRONAS juga menyumbang lebih RM1 bilion bagi pelbagai program lain dalam bidang pendidikan negara, termasuk membina dua buah Maktab Rendah Sains MARA, bernilai lebih RM211 juta

yang mampu menempatkan pelajar dalam persekitaran pembelajaran yang kondusif.

16. Selain itu, PETRONAS juga membina dua buah asrama harian luar bandar di kawasan pedalaman yang siap sepenuhnya pada tahun 2019 bagi menyediakan akses pendidikan lebih baik kepada pelajar-pelajar terbabit.

17. Malah lebih 78,000 pelajar B40 di seluruh negara telah menerima manfaat di bawah **Program Kembali Ke Sekolah**, Yayasan PETRONAS.

18. Selain meringankan beban ibu bapa dan penjaga dari segi menyediakan alatan persekolahan, program ini juga menyuntik semangat pelajar-pelajar terbabit untuk ke sekolah, seterusnya menyedarkan mereka tentang pentingnya Pendidikan.

19. Program '**Discover PETRONAS@School**' pula diperkenalkan bertujuan mendedahkan pelajar tentang perancangan masa hadapan dan peluang pekerjaan dalam industri tenaga, selain berpeluang mendapat tajaan PETRONAS dalam bidang pendidikan atau kemahiran.

20. Dalam masa yang sama, guru-guru turut diberikan perhatian. **Program Duta Guru PETRONAS** dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia membantu seramai 4,500 guru untuk melengkapkan diri dengan pengetahuan, kemahiran, serta daya fikir seorang pendidik STEM yang berimpak tinggi menjelang tahun 2030.

21. **Skim Peningkatan Kebolehpasaran Graduan (GEES)** PETRONAS pula bertujuan meningkatkan kebolehpasaran graduan baharu, sama ada menceburkan diri dalam bidang pekerjaan atau berniaga sendiri setelah selesai mengikuti program berkenaan.

22. Setakat ini, PETRONAS telah melatih lebih 4,000 graduan tempatan, yang mana 70 peratus daripadanya berjaya mendapat pekerjaan tetap dalam bidang yang diceburi mereka.

23. Saya turut dimaklumkan PETRONAS turut menyokong program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional Program (TVET) yang menjadi keutamaan negara bagi menyediakan bakat masa depan.

24. Melalui **Bantuan Penajaan dan Latihan Institusi Vokasional (VISTA)**, seramai 11,450 belia di seluruh negara menerima pelbagai bantuan

termasuk perkakasan, bantuan pembelajaran dan latihan serta khidmat nasihat.

### **Keluarga Malaysia yang saya kasihi,**

25. Saya dengan sukacita ingin mengumumkan bahawa PETRONAS akan menaikkan dua kategori elaun untuk pelajar di bawah tajaan mereka melibatkan 2,267 orang berkuat kuasa serta merta.

**Pertama,** kenaikan elaun buku dan peralatan belajar daripada RM1,000 kepada RM1,500 untuk pelajar di Malaysia dan tambahan RM500 untuk pelajar di luar negara.

**Kedua,** pelajar yang baru menerima penajaan PESP, elaun induksi (Onboarding Allowance) akan dinaikkan daripada RM 4,500 kepada RM 5,000.

26. Kenaikan kedua-dua elaun ini mengambil kira kos sara hidup yang semakin tinggi dan bantuan ini diharap dapat meringankan beban pelajar dan ibu bapa seterusnya memudahkan proses pembelajaran pelajar

27. Akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada PETRONAS atas penganugerahan tajaan PESP ini, dan sekalung tahniah kepada semua penerima terpilih yang menerimanya.

28. Tajaan ini diharap dapat mendorong anda mengorak melangkah lebih jauh untuk menggapai cita-cita dan pulang dengan kejayaan serta seterusnya menabur bakti kepada industri dan negara yang tercinta. Selamat maju jaya untuk semua pelajar!

29. Dengan kata-kata dan hasrat tersebut, dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya merasmikan **Majlis Penyampaian Anugerah Program Penajaan Pendidikan Petronas.**

**Sekian,**

**Wabillahi Taufik Wal Hidayah**

**Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.**

**Copyright of the Prime Minister's Office Official Website**

Source: <https://www.pmo.gov.my/2022/09/majlis-penyampaian-anugerah-program-penajaan-pendidikan-petronas-pestp/>